

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR YAB PERDANA MENTERI DI MESYUARAT MAJLIS KEWANGAN NEGARA TAHUN 2019



- (1) Mesyuarat Majlis Kewangan Negara ini diadakan selaras dengan Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan perkara yang melibatkan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan isu-isu yang berkaitan dengannya. Mesyuarat pada hari ini telah membincangkan beberapa perkara yang menyentuh kepentingan bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- (2) Majlis Kewangan Negara bersetuju meluluskan tambahan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi membiayai kadar baharu Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) mulai tahun 2019 bertujuan melindungi kawasan perlindungan hutan dan marin serta bagi membantu negeri-negeri yang berpendapatan rendah melaksanakan program/projek bagi meningkatkan hasil negeri.
- (3) Majlis Kewangan Negara juga bersetuju Pemberian Cukai Pelancongan menjadi satu pemberian baharu kepada Kerajaan Negeri mulai tahun 2019 yang berdasarkan agihan 50% hasil kutipan Cukai Pelancongan di negeri-negeri. Pemberian ini adalah bagi membantu Kerajaan Negeri menyenggara dan menyediakan kemudahan pelancongan, mempromosi dan memasarkan destinasi pelancongan dan menambah baik pelaporan statistik pelancongan.
- (4) Kerajaan amat prihatin terhadap keselamatan pengguna jalan raya. Sehubungan itu, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian MARRIS ditambah baik antaranya termasuk memperluaskan perbelanjaan yang dibenarkan untuk membiayai penyenggaraan jalan yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan tidak didaftarkan di dalam Sistem MARRIS online serta perbelanjaan menaik taraf jalan/jambatan/parit/longkang dengan had tidak melebihi 15% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan tahun sebelumnya atau RM15 juta, yang mana terendah.
- (5) Bekalan Air Luar Bandar merupakan projek sosio-ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan bertujuan membekalkan air bersih kepada penduduk luar bandar. Projek ini tidak mendatangkan hasil yang tinggi berbanding projek bekalan air di kawasan bandar. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju:

Pertama : Menghapus kira pinjaman projek Bekalan Air Luar Bandar Kerajaan Negeri bagi tahun 2001 dan ke atas berdasarkan baki belum selesai pada 31 Disember 2018 keseluruhannya berjumlah RM3.8 bilion tertakluk kepada Kerajaan Negeri memuktamadkan Skim Penstrukturan Semula Industri Bekalan Air Negara selewat-lewatnya pada 31 Disember 2019; dan

Kedua : Projek Bekalan Air Luar Bandar tidak lagi dibiayai dalam bentuk pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan tetapi akan diperuntukkan secara geran di bawah kawal selia Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

(6) Pelaksanaan hapus kira ini diharapkan dapat mempercepatkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air, mengurangkan beban kewangan tahunan negeri serta memastikan faedah berterusan dapat dinikmati oleh rakyat pada jangka masa panjang. Pada masa yang sama, syarikat operator air negeri boleh memfokuskan kepada penambahbaikan kualiti perkhidmatan bekalan air.



Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
27 Mei 2019

[Tweet](#)

[Like](#)

Be the first of your friends to like this.